

Nik Salida
Suhaila
Nik Saleh



salidasuhaila@yahoo.com

Ikatan ukhwah tunjang kekuatan ummah

Hubungan silaturrahim berpaksikan takwa asas pembinaan masyarakat Islam harmoni

MEMBINA silaturrahim bukanlah sekadar mengucapkan salam kepada sesiapa sahaja yang kita temui. Ia juga tidak semudah kita berkirim salam kepada teman yang sudah lama tidak bertemu. Ukhwah di bawah bumbung agama adalah kurniaan Allah SWT kepada setiap individu Muslim tanpa mengira pangkat dan darjat. Kemanisannya hanya dapat dirasakan oleh orang yang ikhlas melengkapkan kehidupan sesama manusia setelah menyempurnakan tanggungjawab yang wajib ditunaikan terhadap Allah SWT.

Penulis merasai indahnya ukhwah sejak tinggal jauh dari tanah air, keluarga, kerabat dan sahabat. Meskipun tidak dapat bersua, rasa kasih dan sayang semakin mendalam kerana inilah masanya kita mengimbuai segala kebaikan dan keseronokan yang dilalui sepanjang berada dekat dengan mereka. Apabila berjauhan juga, doa dan ingatan sentiasa dikirim kerana itulah yang juga mengubat rindu.

Hari ini, jalinan ukhwah menjadi semakin mudah dengan adanya pelbagai medium untuk meneguhkan ikatan silaturrahim. Malah, hubungan yang jauh boleh didekatkan dengan kemudahan teknologi yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan tersebut. Ia memudahkan kita membina hubungan persahabatan serta meneguhkannya dengan sifat belas kasihan, saling membantu dan prihatin terhadap keperluan teman. Tanpa memerlukan masa yang panjang dan modal yang banyak, kita boleh bertanya khabar dan tahu perkembangan taulan yang jauh hanya dengan hujung jari. Malah, hubungan yang jauh boleh didekatkan dengan kemudahan teknologi yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan tersebut.

Lebih daripada itu, ukhwah adalah tunjang kepada kekuatan ummah sekiranya ia berasaskan takwa



KANAK-KANAK perlu didedahkan dengan kepentingan bersahabat dan berbuat baik kepada rakan sejak kecil lagi supaya ianya dapat dikekalkan sehingga dewasa.

dan berlandaskan syariat malah silaturrahim menjauhkan manusia daripada hasad dengki dan fitnah. Ukhwah juga boleh menguatkan hubungan dengan Allah SWT kerana ukhwah boleh menjadikan akhlak manusia lebih baik daripada sebelumnya. Tetapi sekiranya ukhwah menjadi taruhan demi melampiaskan nafsu jahat, ukhwah bukan merenggangkan hubungan dengan Allah tetapi juga memisahkan kasih sayang sesama manusia.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Bahawa seorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu tidak diperbolehkan seorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim yang lainnya. Juga tidak boleh seorang Muslim itu menghina saudara Muslim lainnya. Dan barang siapa memberikan pertolongan yakni memenu-

ni hajat keperluan saudaranya, maka Allah pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hatinya dan barangsiapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesusahan seorang Muslim, nescaya Allah melapangkan kesusahannya di hari Kiamat."

Perintah membina silaturrahim adalah bertujuan untuk melancarkan urusan kehidupan manusia kerana manusia tidak boleh hidup sendirian, sebaliknya saling bergantung dan melengkapkan keperluan masing-masing. Sebab itulah Rasulullah SAW bersabda yang maffhumnya: "Orang mukmin terhadap orang mukmin yang lainnya, tidak ubah bagaikan sebuah bangunan yang bahagian-bahagian menguatkan satu sama lain."

Kerana ukhwah melengkapkan

keperluan manusia, ia boleh menjadi asas pembinaan sebuah unit masyarakat yang harmoni. Alangkah indahnya sebuah keluarga yang sarat dengan rasa hormat dan kasih sayang dan ia menjadi tunjang perpaduan dalam hubungan manusia yang lebih luas, sekali gus menjadikan umat Islam kuat dan teguh mempertahankan saudara di bawah bumbung agama.

Ukhwah kerana agama tidak mengenali bangsa dan keturunan. Ia juga tidak terbatas kepada hubungan kerabat semata. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu

“ Ukhwah adalah tunjang kekuatan ummah sekiranya ia berasaskan takwa dan berlandaskan syariat malah menjauhkan manusia dari hasad dengki dan fitnah. Ukhwah juga boleh menguatkan hubungan dengan Allah SWT kerana ukhwah boleh menjadikan akhlak manusia lebih baik dari sebelumnya”

GAMBAR HIASAN

sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah lebih Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu."

Justeru, tidak salah membina ukhwah dengan sesiapa, semamata untuk memperteguhkan hubungan dengan Yang Maha Pencipta. Pilihlah sahabat yang mengingatkan kita sewaktu lupa, menjauhkan kita dari leka serta mengikat kita pada tali-Nya, kerana itulah hikmah bersaudara.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom